

## PENILAIAN TERHADAP KONSEP NIAT DALAM TEORI NIAT BERTINGKAH LAKU (TRA) DARI PERSPEKTIF KONSEP NIAT DALAM ISLAM

Mohammad Zulfakhairi bin Mokthar, Ph.D<sup>1</sup>

### Abstrak

*Artikel ini bertujuan untuk menilai konsep niat dalam teori niat bertingkah laku dari perspektif konsep niat dalam Islam. Niat telah lama dibincangkan dalam Islam sehingga terdapat hadis khusus tentang niat. Namun begitu, terdapat teori niat yang muncul daripada ahli akademik Barat yang diaplikasikan dalam kajian tingkah laku termasuk tingkah laku Muslim. Persoalannya, adakah konsep niat bertingkah laku tersebut menepati konsep niat dalam Islam? Oleh itu, kajian ini dilakukan menggunakan kaedah kajian dokumen dan kaedah penganalisisan data menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian menunjukkan bahawa konsep niat bertingkah laku dalam teori niat bertingkah laku tidak selari dengan tasawur niat dalam Islam.*

**Kata Kunci:** Konsep Niat Bertingkah Laku, Konsep Niat Dalam Islam, TRA

### PENDAHULUAN

Teori niat bertingkah laku merupakan teori popular yang digunakan untuk mengkaji gelagat manusia terutamanya dalam bidang gelagat pengguna dan pemasaran. Oleh itu, terdapat pelbagai teori, model dan pendekatan yang diperkenalkan oleh ahli akademik menggunakan konsep niat bertingkah laku untuk memahami gelagat pengguna. Walaupun teori niat bertingkah laku tersebut popular, persoalannya adakah konsep niat bertingkah laku dalam teori tersebut menepati konsep niat dalam Islam? Niat adalah perkara yang penting dalam Islam sehingga terdapat hadis khusus yang membincangkan tentang niat.

*“Bahawa sesungguhnya setiap amalan itu bergantung kepada niat, dan bahawa sesungguhnya bagi setiap orang adalah apa yang dia niatkan. Barang siapa yang hijrahnya menuju kepada Allah SWT dan Rasul-Nya, maka hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya. Barang siapa yang hijrahnya kerana dunia yang dia mahu mencari habuan daripadanya, atau kerana perempuan yang mahu dikahwininya, maka hijrahnya ke arah perkara yang ditujuinya itu.”*

(Riwayat Bukhari, No.Hadis : 1)

Hadis tersebut menunjukkan bahawa konsep niat itu sendiri sebenarnya ada dalam Islam dan dibentuk berdasarkan sudut pandang Islam itu sendiri. Justeru, konsep niat bertingkah laku dalam teori niat bertingkah laku yang dibina berdasarkan acuan Barat perlu dianalisis untuk memastikan konsep niat bertingkah laku tersebut tidak bertentangan dengan konsep niat yang dibincangkan dalam Islam. Hal ini perlu dilakukan kerana terdapat beberapa perkara dalam teori tingkah laku Barat yang bertentangan dengan Islam. Pertama, aspek pemisahan agama iaitu anti-dogmatik dalam teori Barat yang menyangkal batasan syarak dalam tingkah laku Muslim kerana menyatakan bahawa niat seseorang untuk bertingkah laku akan mempengaruhi tingkah lakunya untuk melakukan apa sahaja mengikut kehendaknya

---

<sup>1</sup> Penulis merupakan Pensyarah Fakulti Pengajian Pengurusan, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS)

tanpa batasan (Ahmad Azrin Adnan, 2010). Pemisahan antara agama dalam kehidupan manusia terutamanya orang Islam adalah sangat berbahaya kerana akan menjadikan seseorang Muslim itu memisahkan antara urusan dunia dan urusan akhiratnya sedangkan agama itu meliputi kehidupan secara menyeluruh atau satu cara hidup (Nik Mustapha Nik Hasan, 1992). Kedua, teori tingkah laku Barat juga dibentuk berdasarkan tasawur dan epistemologi lazim. Menurut Muhammad Syukri Salleh (2008) tasawur dan epistemologi lazim tidak sesuai digunakan terhadap Muslim malahan tidak tepat untuk menjelaskan keadaan sebenar Muslim sekali gus terhad kepada keyakinan yang dilihat ('ain al-yaqin) dan keyakinan ilmu ('ilm al-yaqin) sahaja tetapi tidak mencapai keyakinan yang hakiki (haq al-yaqin). Oleh itu, perlu dilakukan penilaian terhadap konsep niat dalam teori niat bertingkah laku.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif khusus dalam kajian ini adalah menilai konsep niat bertingkah laku dalam teori niat bertingkah laku dari perspektif konsep niat dalam Islam. Selain itu, kajian ini juga dilakukan untuk mencapai objektif umum berikut:

1. Mengetahui pasti konsep niat bertingkah laku dalam teori niat bertingkah laku.
2. Mengetahui pasti konsep niat dalam Islam.
3. Menganalisis konsep niat bertingkah laku dalam teori niat bertingkah laku dari perspektif konsep niat dalam Islam.

Bagi tujuan mencapai ketiga-tiga objektif tersebut, persoalan kajian seperti berikut telah diutarakan:

1. Apakah konsep niat bertingkah laku dalam teori niat bertingkah laku?
2. Apakah konsep niat dalam Islam?
3. Adakah tasawur niat bertingkah laku dalam teori niat bertingkah laku selari dengan tasawur niat bertingkah laku dalam Islam?

### **KONSEP NIAT BERTINGKAH LAKU DALAM TEORI NIAT BERTINGKAH LAKU**

Konsep niat bertingkah laku muncul selepas kegagalan konsep sikap untuk menjelaskan sesuatu tingkah laku. Hal ini kerana, kebanyakan kajian yang dilakukan mendapati hubungan yang lemah atau tidak signifikan antara sikap dan tingkah laku (Ajzen & Fishbein, 1973). Sehingga menjelang tahun 1976, hasil penelitian yang dilakukan terhadap pengkajian sikap dan tingkah laku sebelum ini membawa kepada satu kesimpulan bahawa sikap bukan penentu terus kepada tingkah laku sebaliknya hanya salah satu daripada faktor yang menentukan sesuatu tingkah laku (Ajzen & Fishbein, 1977). Secara umum, sikap mempengaruhi pandangan individu terhadap sesuatu objek secara keseluruhan tetapi tidak menentukan sebarang tindakan dilakukan (Liska, 1984). Oleh itu, terdapat suatu faktor lain yang menghubungkan antara sikap dan tindakan iaitu niat. Seterusnya, Fishbein dan Ajzen melakukan kajian lanjutan terhadap *Theory of Propositional Control* yang diasaskan oleh

Dulany pada tahun 1967 untuk memahami fungsi niat dalam tingkah laku manusia (Ajzen, 1971).

Lanjutan daripada *Theory of Propositional Control* tersebut, kedudukan niat yang dianggap sebagai proksi kepada tingkah laku telah menjadi perhatian (Ajzen, 1971). Niat (*intention*) didefinisikan oleh Fishbein dan Ajzen (1975) sebagai kedudukan individu dalam sesuatu dimensi kebarangkalian subjektif yang melibatkan hubungan di antara dirinya dengan sesuatu tindakan iaitu semakin kuat perkara yang mempengaruhi niat maka kebarangkalian untuk melakukan tingkah laku adalah tinggi. Hal ini kerana, niat adalah proksi kepada tingkah laku dan boleh menyederhanakan, menguatkan, dan menghalang pengaruh sikap dan norma subjektif juga faktor-faktor luaran yang lain terhadap niat untuk bertingkah laku (Fishbein dan Ajzen, 1975). Teori ini mewujudkan andaian bahawa niat individu untuk melakukan sebarang tingkah laku ialah hasil tindak balas bersama sikapnya untuk melakukan tingkah laku dan kepercayaan terhadap tanggapan orang lain tentang apa yang perlu dilakukan dalam situasi tertentu (Ajzen & Fishbein, 1977). Oleh itu, pada tahun 1975, Fishbein dan Ajzen memperkenalkan *Theory of Reasoned Action* (Teori Tindakan Bersebab). Walau bagaimanapun, Teori Tindakan Bersebab dibentuk untuk meramal tingkah laku yang berkemahuan atau tingkah laku yang mampu dilakukan oleh individu yang mempunyai kawalan terhadap tingkah laku tersebut sahaja. Sedangkan banyak tingkah laku yang memerlukan kepada keupayaan, kemahiran, peluang atau bantuan untuk menjayakan suatu tingkah laku (Liska, 1984). Bagi mengatasi perkara tersebut, Ajzen menambah faktor kawalan tingkah laku ditanggung dan membentuk *Theory of Planned Behavior* (Teori Perlakuan Terancang). Teori ini mencadangkan kawalan tingkah laku ditanggung adalah penentu tambahan kepada niat bertingkah laku bersama-sama sikap dan norma subjektif (Ajzen, 1985).


Secara umum, teori niat bertingkah laku berkisar kepada perbincangan tentang sikap (*attitude*), kepercayaan (*belief*), norma subjektif (*subjective norm*) dan niat (*intention*). Keempat-empat elemen ini merupakan konstruk kepada konsep niat bertingkah laku. Menurut Fishbein dan Ajzen (1975), sikap merujuk kepada satu kecenderungan yang terbentuk melalui pembelajaran untuk bertindak balas secara konsisten terhadap sesuatu objek sama ada baik atau buruk. Oleh sebab sikap ialah satu kecenderungan, maka apabila berbicara tentang sikap, perbezaan antara niat untuk melakukan dengan tingkah laku sebenar perlu dijelaskan. Hal ini kerana konsep sikap lebih merujuk kepada kecenderungan untuk melakukan. Terdapat tiga elemen utama dalam konsep sikap iaitu afektif, kognitif dan konatif. Afektif merujuk kepada apa yang dirasakan individu melalui penilaian sesuatu objek, manusia, isu atau keadaan. Kognitif pula merupakan pengetahuan, pendapat, kepercayaan dan fikiran yang dimiliki individu tentang sesuatu objek. Konatif pula merujuk kepada niat bertingkah laku dan tindak balas yang berlaku semasa wujud atau tidak wujud sesuatu objek.

Kepercayaan pula menurut Fishbein dan Ajzen (1975) merujuk kepada maklumat yang dimiliki terhadap sesuatu objek. Disebabkan kekuatan kepercayaan seseorang adalah berbeza maka kepercayaan diukur dengan meletakkan objek bersama dimensi kebarangkalian subjektif iaitu melibatkan sebuah objek dengan perkara lain yang berkaitan. Manakala, niat bertingkah laku pula merujuk kepada niat seseorang untuk melakukan pelbagai tingkah laku. Sama seperti kepercayaan, kekuatan sesuatu niat ditentukan oleh kebarangkalian subjektif bahawa sesuatu tingkah laku akan dilakukan dan perlu diukur dengan meletakkan subjek

bersama dimensi kebarangkalian subjektif yang melibatkan hubungan antara dirinya dan sesuatu tingkah laku.

Secara umum Fishbein dan Ajzen (1975) menjelaskan konsep sikap perlu digunakan jika terdapat bukti yang kukuh terhadap pengukuran dalam dimensi afektif. Jika pengukuran itu melibatkan dimensi kebarangkalian subjektif, konsep kepercayaan perlu digunakan manakala, jika dimensi kebarangkalian menghubungkan kepada tingkah laku, konsep niat bertingkah laku perlu digunakan. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga konsep ini saling berkaitan antara satu sama lain kerana sikap seseorang terhadap sesuatu ditentukan oleh kepercayaannya terhadap sesuatu objek yang mempunyai sifat-sifat tertentu. Dalam keadaan yang sama sikap seseorang juga berkaitan dengan niat untuk melakukan sesuatu dan sikap berhubung kepada niat secara menyeluruh dan bukannya niat yang spesifik.

Hubung kait antara ketiga-tiga konsep ini ditunjukkan seperti Rajah 1. Sikap individu membentuk kepercayaan terhadap sesuatu objek. Apabila individu itu melakukan sesuatu tingkah laku akan wujud pula set kepercayaan yang baharu yang akan mempengaruhi sikap. Secara tidak langsung proses ini berulang dalam setiap tingkah laku manusia. Ringkasan konsep sikap, kepercayaan dan niat bertingkah laku oleh Fishbein dan Ajzen (1975) seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1 Model Kaitan antara Kepercayaan, Sikap dan Niat terhadap Sesuatu Objek

Secara umum, Rajah 1 merupakan model asas konsep niat bertingkah laku oleh Fishbein dan Ajzen (1975). Berdasarkan rajah tersebut, sikap individu terhadap sesuatu objek dipengaruhi oleh beberapa set kepercayaan yang mewujudkan kecenderungan (sikap). Sikap tersebut kemudiannya akan mewujudkan niat terhadap objek.

Walau bagaimanapun, sikap terhadap objek tersebut ialah kecenderungan yang umum yang tidak mencenderungkan individu untuk melakukan tingkah laku yang spesifik. Malahan ia membawa kepada beberapa set niat yang menunjukkan sejumlah kesan terhadap objek yang difikirkan. Setiap daripada set niat tersebut berhubung dengan setiap satu tingkah laku yang khusus. Oleh itu, kesan keseluruhan yang ditunjukkan oleh corak individu bertindak balas terhadap sesuatu objek adalah sesuai dengan sikapnya terhadap objek tersebut.

Berdasarkan konsep tersebut menurut Fishbein dan Ajzen (1975) terdapat dua faktor yang mempengaruhi niat iaitu sikap dan norma subjektif. Kedua-dua faktor ini berlandaskan kepada tindak balas kepercayaan. Sikap terbentuk hasil daripada kepercayaan individu terhadap sesuatu manakala norma subjektif wujud kesan daripada kepercayaan bahawa individu tertentu berpendapat sama ada seseorang itu perlu melakukan atau tidak melakukan sesuatu tingkah laku. Keadaan tersebut membentuk kepercayaan normatif dan motivasi untuk mematuhi perlakuan sesuatu tingkah laku.

### NIAT DALAM ISLAM

Menurut Yusuf al-Qaradawiy (2015) niat dalam al-Qur'an diungkapkan dalam beberapa maksud seperti "*iradat al-'akhirat*" (menghendaki kehidupan akhirat), "*iradat al-wajh Allah*" (menghendaki keredaan Allah) atau "*ibtigha' wajhih*" (mencari wajah-Nya) atau "*ibtigha mardatih*" (mencari keredaan-Nya). Berdasarkan maksud tersebut, dikenal pasti dua komponen maksud niat dalam Islam. Pertama, perkataan menghendaki dan mencari menunjukkan bahawa niat itu berdasarkan kecenderungan melakukan sesuatu. Kedua, perkataan kehidupan akhirat, keredaan Allah dan wajah-Nya pula menunjukkan bahawa niat itu bertujuan kepada Allah SWT. Komponen kedua ini dikukuhkan lagi dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Padahal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhhlaskan ibadat kepada-Nya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah agama yang benar."* (Surah al-Baiyinah: ayat 5)

Menurut Ibnu Kathir (2004), ayat ini menyuruh manusia supaya meninggalkan perkara yang syirik dan menuju kepada tauhid. Terdapat juga beberapa imam seperti az-Zuhri dan Shafie yang menjadikan ayat ini sebagai dalil amal perbuatan termasuk dalam keimanan. Kedua-dua komponen maksud niat dalam Islam tersebut disokong antaranya oleh al-Harith al-Muhasibi dan Ibnu Taimiyah dalam Umar Sulaiman (2006:86), yang menyatakan komponen pertama niat ialah kehendak melakukan sesuatu. Komponen pertama ini penting untuk mewujudkan kecenderungan melakukan sesuatu tingkah laku sesuai dengan maksud iaitu kerana Allah SWT.

Penyataan ini juga hampir sama dengan definisi niat yang dikemukakan oleh al-Ghazali (1980:18) bahawa niat ialah kehendak yang menimbulkan keinginan dan kecenderungan dalam diri seseorang untuk melakukan sesuatu yang sesuai dengan maksudnya sama ada pada masa sekarang atau akan datang. Juga definisi oleh Al-Baidawi bahawa niat adalah dorongan hati menuju perkara yang dilihat, sesuai dengan maksud sama ada mengambil manfaat atau menolak bahaya pada masa sekarang atau kemudian (Yusuf al-Qaradawi, 2015). Dalam konteks ibadah, niat menurut syarak didefinisikan sebagai keinginan untuk melakukan sesuatu yang diikuti dengan perbuatan untuk mendapatkan keredaan Allah SWT (Umar Sulaiman, 2006). Berdasarkan definisi tersebut terdapat kedua-dua komponen yang diutarakan oleh al-Harith al-Muhasibi, Ibnu Taimiyah, al-Ghazali dan al-Baidawi namun terdapat perbezaan dari segi jangka masa yang mana al-Ghazali dan al-Baidawi menyatakan perbuatan itu boleh berlaku sekarang atau pada masa hadapan sementara definisi syarak pula menyatakan bahawa niat mesti diiringi perbuatan.

Jika diteliti, niat dari perspektif syarak tertumpu kepada aspek ibadah iaitu diperlukan niat di awal setiap ibadah. Manakala, niat menurut al-Harith al-Muhasibi, Ibnu Taimiyah, al-Ghazali dan al-Baidawi bersifat umum berdasarkan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Barang siapa yang ingin berbuat kebaikan tetapi tidak jadi melakukannya, Allah SWT memberikannya pahala atas kebaikan tersebut dengan sempurna dan jika dia melakukan kebaikan tersebut Allah SWT membalasnya dengan pahala sampai 700 kali ganda. Barang siapa yang ingin berbuat kejahatan tetapi tidak jadi melakukannya, Allah SWT memberikannya pahala dengan sempurna. Jika dia melakukan kejahatan tersebut maka Allah SWT akan memberikannya satu dosa kejahatan sahaja.”*

(Riwayat al-Bukhari, no. Hadis 6947)

Hadis ini selain daripada menunjukkan bahawa dengan sekadar niat seseorang boleh mendapatkan pahala sebelum tingkah laku itu dilakukan, juga menunjukkan terdapatnya jangka masa sesuatu tingkah laku itu dilakukan iaitu sama ada ingin melakukan atau tidak melakukan. Oleh itu, niat dalam Islam terdiri daripada dua komponen dalam jangka masa berbeza iaitu kehendak melakukan sesuatu dalam jangka masa pendek dan tujuan sesuatu tingkah laku itu dilakukan lebih kepada suatu jangka masa panjang.

### **ELEMEN PEMBENTUKAN NIAT DALAM ISLAM**

Menurut al-Ghazali (1980) niat merupakan keadaan dan sifat hati yang dipengaruhi oleh dua perkara iaitu ilmu dan kehendak. Manakala dalam melakukan sesuatu tingkah laku, terdapat tiga elemen utama yang mempengaruhi niat dalam tingkah laku iaitu ilmu, kehendak dan kemampuan.

Dalam konteks ilmu, Allah SWT yang pertama memberikan ilmu kepada manusia berdasarkan Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Bacalah, dan Tuhan-mu Yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.”*

(Surah al-Alaq:ayat 3-5)

Menurut Ibnu Kathir (2004), ayat tersebut menerangkan tentang kemurahan Allah SWT antaranya dengan mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya dan manusia itu dimuliakan dengan memiliki ilmu. Ilmu merupakan perkara awal yang muncul dalam hati manusia. Walau bagaimanapun ilmu, tidak akan mewujudkan niat sekiranya tidak ada pendorong. Sebagai contoh manusia mengetahui bahawa makan itu penting untuk meneruskan hidup. Jika tidak wujud pendorong untuk seseorang manusia iaitu keinginan untuk makan maka anggota badan tidak akan bergerak untuk makan. Maka pengetahuan tentang kepentingan makanan itu tidak akan memberikan sebarang manfaat kepada manusia. Oleh itu, diperlukan kehendak dalam membentuk niat. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa tingkatan kehendak (*iradat*) yang dipertanggungjawabkan ke atas manusia dan yang tidak dipertanggungjawabkan. Menurut pendapat Imam al-Subkiy dalam Umar Sulaiman (2004; 2006), terdapat lima urutan interaksi hati. Pertama, *hajiz* (lintasan perasaan) iaitu peringkat paling rendah. Kedua, *kathir* (lintasan dalam hati yang kemudiannya hilang begitu sahaja, tidak kekal). Ketiga, *hadis al-nafs* (perkataan hati) iaitu perasaan yang bertahan dan bimbang apakah berbuat atau tidak, dan tidak tetap pada satu pilihan. Keempat, *hamm* iaitu lebih cenderung berbuat, tidak memilih yang lain tetapi tidak pasti melakukannya. Kelima, *'azam* iaitu lebih cenderung berbuat, tidak memilih yang lain dan memutuskan akan melakukannya.

Daripada kelima-lima peringkat ini dibahagikan pula kepada dua bahagian iaitu kehendak yang tidak pasti dan kehendak yang pasti. Kehendak yang tidak pasti pula dibahagikan kepada dua iaitu tidak berpahala dan tidak berdosa. Kategori ini diwakili oleh *hajiz* dan *kathir*. Bahagian kedua pula, jika baik berpahala dan jika buruk berdosa. Kategori ini pula diwakili oleh *hadis al-nafs* (bercakap dengan diri sendiri) dan *hamm*. Walau bagaimanapun, *hadis al-nafs* tidak termasuk dalam hitungan amal kerana tingkatnya lebih rendah daripada *hamm*. Kehendak yang pasti pula dilihat dalam dua keadaan. Pertama, memutuskan sesuatu dengan perbuatan hati iaitu mengazamkan sesuatu perbuatan baik dan mendapat pahala. Kedua mengazamkan berbuat dengan anggota badan iaitu menggerakkan anggota badan melakukan apa yang di azam.

Kehendak ialah apabila seseorang menggunakan akalinya untuk menilai sesuatu perkara dan mendapati bahawa perkara itu adalah baik untuk dirinya lalu membangkitkan keinginan dan kehendak untuk melakukan perkara tersebut (al-Ghazali, 1977). Walau bagaimanapun, ilmu dan kehendak sahaja tidaklah mencukupi untuk melakukan sesuatu tingkah laku kecuali dengan adanya kemampuan, iaitu tenaga dan anggota badan untuk melakukan sesuatu tingkah laku. Kecenderungan dan keinginan yang wujud tidak akan mampu dilaksanakan sekiranya tidak terdapat kemampuan bagi menggerakkan anggota badan. Sebagai contoh, seorang yang lumpuh tidak akan mampu untuk memenuhi keinginannya untuk berlari disebabkan oleh kakinya yang sudah tidak mampu bergerak (al-Ghazali, 1980).

*“Allah tidak membebani seseorang itu di luar kemampuannya.”*


(Surah al-Baqarah: ayat 286)

Menurut Ibnu Kathir (2004), Allah SWT tidak akan membebani seseorang di luar kemampuannya. Hal Ini merupakan kelembutan, kasih sayang dan kebaikan Allah SWT kepada makhluk-Nya. Ayat ini juga menguatkan bagaimana Allah SWT mengampunkan dosa orang-orang yang tidak mampu menolak perkara yang tidak mampu ditolaknya seperti desakan dan godaan (hati). Maka, hal itu tidak dibebankan kepada manusia. Ayat ini secara tidak langsung menunjukkan hanya dengan kemampuan sahaja sesuatu tingkah laku atau perbuatan itu boleh berlaku dan dihitung oleh Allah SWT.

Sebagai kesimpulan dalam perbincangan elemen pembentukan niat dalam tingkah laku, dua elemen pembentukan niat dalam tingkah laku telah dikenal pasti iaitu ilmu, dan kemampuan. Ilmu adalah perkara yang mewujudkan kehendak dan kehendak pula mewujudkan kemampuan untuk melakukan tingkah laku.

**KONSEP NIAT DALAM ISLAM**

Seperti dijelaskan oleh al-Ghazali (1980), penggerak pertama kepada sesuatu tingkah laku ialah kehendak yang dipengaruhi oleh dua elemen iaitu ilmu dan kemampuan. Kewujudan kehendak tersebut adalah dalam jangka masa pendek iaitu berfokus kepada melakukan sesuatu perkara sahaja manakala dalam jangka masa panjang niat membentuk tujuan (Allah SWT) iaitu matlamat utama bagi semua umat Islam. Konsep niat dalam Islam ditunjukkan seperti dalam Rajah 2.



Rajah 2 Konsep Niat dalam Islam

Berdasarkan Rajah 2, niat dibahagikan kepada dua. Niat yang pertama merujuk kepada kehendak manakala niat yang kedua merujuk kepada tujuan melakukan sesuatu. Terdapat dua elemen yang mempengaruhi pembentukan niat. Elemen pertama iaitu ilmu iaitu manusia hanya berkehendak melakukan sesuatu yang diketahui olehnya. Elemen kedua pula iaitu kemampuan yang mempengaruhi niat dan tingkah laku.

Niat sebagai kehendak merupakan pembentuk kecenderungan untuk melakukan sesuatu dan dikawal oleh niat sebagai tujuan dalam melakukan sesuatu tingkah laku. Oleh kerana matlamat orang Islam adalah untuk mendapatkan kerediaan Allah SWT maka setiap kehendak



mestilah bertujuan kerana Allah SWT. Namun, tidak dinafikan bahawa terdapat niat yang bertujuan selain daripada Allah SWT. Oleh itu, elemen tujuan dibahagikan kepada dua iaitu kepada Allah SWT dan kerana dunia seperti dijelaskan sebelum ini. Kemampuan pula wujud untuk memenuhi kehendak iaitu dengan menggerakkan anggota badan. Selain daripada memenuhi kehendak kemampuan juga boleh mewujudkan kehendak. Oleh itu, kemampuan berhubungan dengan kehendak juga berhubungan terus dengan tingkah laku.

## **METODOLOGI**

Bagi mencapai objektif dan menjawab persoalan yang diutarakan, kajian ini dilakukan menggunakan kaedah analisis dokumen. Kaedah analisis dokumen merupakan suatu bentuk kajian kualitatif yang mana sesebuah dokumen diinterpretasikan oleh penyelidik untuk memberikan makna berkaitan topik yang dinilai (Bowen, 2009). Menganalisis dokumen melibatkan pengekodan kandungan ke dalam tema-tema daripada pelbagai jenis seperti rekod awam, dokumen peribadi dan bukti fizikal. Dokumen daripada pelbagai sumber dikumpulkan dalam kajian ini termasuklah buku dan artikel berkaitan niat bertingkah laku. Data yang dikumpulkan kemudian dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Kaedah analisis kandungan dilakukan untuk mengenal pasti maklumat yang bermakna dan relevan daripada teks berkaitan niat bertingkah laku (Bowen, 2009).

## **ANALISIS KONSEP NIAT BERTINGKAH LAKU DALAM TEORI NIAT BERTINGKAH LAKU DARI PERSPEKTIF KONSEP NIAT DALAM ISLAM**

Secara umum, terdapat tiga pertikaian yang boleh dibincangkan daripada penilaian konsep niat bertingkah laku dalam teori niat bertingkah laku dari perspektif konsep niat dalam Islam. Pertama, dalam aspek maksud niat. Konsep niat dalam tingkah laku berbincang tentang niat sebagai satu kebarangkalian iaitu sesuatu yang tidak pasti sama ada berlaku atau tidak sesuatu perbuatan. Menurut konsep niat dalam Islam, maksud niat tersebut merupakan salah satu daripada tingkatan niat dalam Islam iaitu berada dalam peringkat ketiga, *hadis al-nafs* (perkataan hati) iaitu perasaan yang bertahan dan bimbang adakah akan melakukan atau tidak sesuatu perbuatan. Selain itu, niat pada peringkat ini tidak tetap pada satu pilihan. Oleh itu, maksud niat yang dimaksudkan dalam konsep niat bertingkah laku adalah sama dengan maksud niat dalam Islam dalam peringkat ketiga yang mana niat pada peringkat ini tidak dipertanggungjawabkan ke atas seseorang. Hal ini menunjukkan bahawa jika dinilai dari sudut pandangan Islam, niat tersebut bukanlah niat yang kuat. Justeru, menurut Yusuf al-Qaradawi (2015), niat bukanlah hanya sekadar keinginan yang terlintas dalam hati secara sementara sebaliknya keinginan itu perlulah menjadi ketetapan hati atau menurut Umar Sulaiman (2006) niat itu sampai kepada kedudukan tekad dan perancangan. Keadaan ini dijelaskan dalam hadis yang bermaksud:

*“Sesungguhnya Allah memaafkan umat-ku daripada keinginan yang berada dalam hatinya selama mana dia belum melakukannya atau membicarakannya.”*  
(Riwayat Bukhari, no. Hadis: 6171)

Hadis ini menguatkan niat itu bukan sekadar keinginan sebaliknya serius dalam menginginkan sesuatu kerana niat sebagai lintasan hati semata-mata tidak dapat dipertanggungjawabkan. Berdasarkan prinsip tersebut, Yusuf al-Qaradawi (2004) menjelaskan kita dapat memahami bagaimana orang miskin yang tidak mempunyai harta mampu mendapatkan pahala sedekah yang sama dengan orang kaya melalui keseriusan niat mereka untuk mendapatkan pahala. Begitu juga bagaimana si pembunuh dan terbunuh keduanya masuk ke dalam neraka kerana si terbunuh berniat dengan serius untuk membunuh si pembunuh. Oleh itu, hanya keinginan yang serius benar-benar dianggap sebagai niat dan bukan keinginan sekadar lintasan hati.

Kedua, konsep niat bertingkah laku membincangkan tingkah laku yang berlaku disebabkan oleh hubungan sikap. Sikap merujuk kepada sifat manusia yang menyukai perkara yang baik dan menolak perkara yang tidak baik berdasarkan kepada pembelajaran (Fisbein & Ajzen, 1975). Konsep menyukai hal yang baik kepada diri ini berasal daripada pengaruh teori ekonomi iaitu rasionalisme ekonomi dan utilitarianisme yang mengandaikan utiliti yang maksimum ialah objektif pengguna (Monzer Khaf, 1992). Oleh itu, apabila konsep ini diguna pakai maka individu akan bebas untuk bertingkah laku tanpa batasan syarak untuk memuaskan kehendaknya. Hal ini dijelaskan oleh Ahmad Azrin Adnan (2012) bahawa Teori Tindakan Bersebab yang mengandaikan bahawa niat seseorang untuk bertindak menyebabkan seseorang itu mempunyai kebebasan untuk bertindak tanpa batasan.

Jika dinilai dari aspek konsep niat dalam Islam, sikap adalah sama dengan elemen ilmu yang dijelaskan sebelum ini. Dalam Islam sendiri konsep kebebasan memilih itu wujud kerana kehendak manusia adalah bersifat bebas (Pipit Pitrah Azali, 2014). Oleh sebab kehendak adalah bebas, maka al-Ghazali (1980) menjelaskan setiap perbuatan yang dilakukan juga adalah bebas mengikut pilihan manusia. Berdasarkan pengetahuan, manusia seterusnya akan berinteraksi dan bebas untuk memilih daripada pelbagai alternatif kerana menurut Shafiq Falah Alwaneh (2009) tanpa ilmu pengetahuan yang cukup adalah sukar untuk manusia bertingkah laku. Hal ini kerana manusia tidak akan menghendaki perkara yang tidak diketahui olehnya. Secara tidak langsung, apabila manusia mempunyai pengetahuan maka manusia akan mempunyai kebebasan untuk memilih. Namun, ilmu diperlukan untuk memastikan niat dan perbuatan yang dilakukan adalah baik. Hal ini kerana konsep niat dalam Islam yang terikat kepada hubungan dengan Allah SWT iaitu terdapat perkara yang dilarang dilakukan walaupun sikapnya baik terhadap perkara itu. Seperti mana dijelaskan oleh Yusuf al-Qaradawi (2016) perkara yang haram hukumnya adalah tetap haram walaupun niat pelaku adalah suci. Hal ini kerana, Islam tidak membenarkan sesuatu yang haram itu dijadikan wasilah kepada tujuan yang mulia. Islam sangat menekankan kemurnian matlamat dan cara mencapai matlamat tersebut dan syariat Islam tidak menerima prinsip matlamat menghalalkan cara kerana orang Islam wajib mencari kebenaran melalui jalan yang benar. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Wahai sekalian Rasul, makanlah yang baik-baik dan buatlah amalan yang baik. sesungguhnya Aku begitu mengetahui apa yang kamu lakukan.”*

(Surah al-Mu'minun: ayat 51)

Oleh itu, elemen keimanan tidak boleh dipisahkan dalam operasional konsep niat dalam Islam. Iman menjadi asas yang mendasari motivasi. Iman berfungsi sebagai pencetus tingkah laku, mengekalkan tingkah laku juga menilai sesuatu tingkah laku dan menyucikannya daripada perkara-perkara yang merosakkan tingkah laku. Shafiq Falah Alwaneh (2009) menyatakan bahawa iman dan pengetahuan adalah saling berkaitan yang menjadi insentif penting dalam tingkah laku manusia. Pengetahuan dan iman membawa maksud yang sama iaitu ilmu. Iman boleh dilihat sebagai tahap tertinggi ilmu yang menyebabkan manusia tidak berasa ragu dengan keimanannya. Sementara itu, pengetahuan pula memberikan manusia maklumat yang diperlukan untuk menentukan sesuatu perkara itu baik atau buruk. Kesimpulannya, sikap yang tidak dikawal melalui ilmu yang benar boleh menjuruskan seseorang untuk melakukan tingkah laku yang bertentangan dengan syariat. Perkara inilah yang membezakan konsep sikap dalam konsep niat bertingkah laku dengan elemen ilmu dalam konsep niat dalam Islam. walaupun dari segi operasional nya menjurus ke arah maksud yang sama tetapi dari aspek dalamannya berbeza dalam Islam.

Ketiga, konsep niat bertingkah laku juga membincangkan tingkah laku yang berlaku disebabkan oleh norma subjektif yang menyatakan individu melakukan sesuatu perbuatan disebabkan oleh pandangan orang lain. Konsep ini juga tidak selari dengan konsep niat dalam Islam yang berpandukan prinsip ikhlas. Menurut Yusuf al-Qaradawi (2004) syarat penerimaan amal di sisi Allah SWT bergantung kepada niat yang ikhlas dan benar serta perbuatan yang dilakukan mengikut ketetapan yang diajarkan melalui sunnah. Hal ini kerana, menurut Abdullah Qari Salleh (1988) niat yang ikhlas dan benar akan mewujudkan kebenaran batin manakala, perbuatan yang dilakukan mengikut ketetapan yang diajarkan melalui sunnah mewujudkan kebenaran secara zahir. Berdasarkan pendapat tersebut, syarat niat dan tingkah laku seorang Muslim itu mestilah berpandukan kepada dua perkara tersebut iaitu ikhlas dan mengikut syariat. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Katakanlah: Tuhan ku menyuruh berlaku adil dan hadapkan muka kamu dengan betul pada tiap-tiap kali mengerjakan sembahyang dan beribadatlah dengan mengikhhlaskan amal kamu kepada-Nya sebagaimana ia telah menjadikan kamu pada mulanya, kamu akan kembali kepada-Nya.”*

(Surah al-’A’raf: ayat 29)

Menurut Ibn Kathir (2004) Allah SWT memerintahkan manusia untuk beristiqamah dalam beribadah kepada-Nya sesuai dengan apa yang dibawa oleh para Rasul serta dengan tulus ikhlas dalam beribadah kepada-Nya kerana sesungguhnya Allah SWT tidak akan menerima suatu amal sehingga kedua perkara tersebut (*mutaba’at* dan ikhlas) bersatu di dalamnya dan sesuai dengan syariat dan bersih daripada segala perkara yang menyekutukan Allah SWT. Oleh itu, menurut Yusuf al-Qaradawi (2004) niat mestilah ikhlas kerana Allah SWT iaitu bebas daripada pengaruh nafsu dan keduniaan dalam melakukan ibadah. Hal ini penting kerana menurut Abdullah Qari Salleh (1988) ikhlas merupakan asas utama dalam segala amalan yang diperintahkan Allah SWT untuk dilakukan oleh manusia kerana ikhlas lah yang menentukan nilai manusia (makhluk) di sisi Allah SWT. Oleh itu, sekiranya niat berpandukan kepada norma subjektif maka hilanglah keikhlasan dalam setiap perbuatan manusia. Hal ini kerana menurut Haron Din (2007), ikhlas merupakan elemen penting dalam

tingkah laku Muslim iaitu dengan mengembalikan segala tingkah laku kepada Allah SWT bukan selain daripada-Nya. Kesimpulannya, norma subjektif yang berpandukan kepada pandangan orang lain tidak selari dengan prinsip ikhlas niat dalam Islam yang menjadikan setiap niat dan tingkah laku yang dilakukan untuk dipandang oleh manusia semata.

### KESIMPULAN

Hasil analisis mendapati konsep niat bertingkah laku dalam teori niat bertingkah laku memfokuskan kepada kehendak iaitu peringkat ketiga dalam tingkatan niat dalam Islam. Jika dinilai dari sudut pandangan Islam, niat tersebut bukanlah niat yang kuat dan tidak boleh dipertanggungjawabkan. Kedua, konsep sikap perlu dipengaruhi oleh ilmu agama untuk mengelakkan niat dan tingkah laku yang dilakukan berada dalam lingkungan syarak. Ketiga, konsep norma subjektif tidak menepati konsep ikhlas dalam Islam yang boleh merosakkan perbuatan manusia di hadapan Allah SWT. Kesimpulannya, konsep niat dalam teori niat bertingkah laku tidak memenuhi konsep sebenar niat dalam Islam. Walau bagaimanapun, ia tidaklah bertentangan kerana masih termasuk dalam tingkatan niat dalam Islam. Oleh itu, untuk memastikan pengaplikasian konsep niat ini dalam kajian gelagat Muslim konsep sikap dan norma subjektif perlu disesuaikan supaya tidak berorientasikan kepada manusia semata-mata sebaliknya juga bertujuan kepada Allah SWT.

### PENGHARGAAN

Penulis boleh dihubungi di alamat email seperti berikut: zulfakhairi@kuipsas.edu.my.

### RUJUKAN

- Abdullah Qari Salleh. (1988). *Kedudukan niat dan ikhlas dalam Islam*. Kelantan: Pustaka Asa.
- Ahmad Azrin Adnan. (2012). Gelagat pengguna Islam: Satu disiplin atau sub disiplin? *Jurnal Pengurusan*, 35, 139-149.
- Ajzen, I. (1971). Attitudinal vs. normative messages: An investigation of the differential effects of persuasive communications on behavior. *Sociometry*, 34(2), 263-280.
- Ajzen, I. (1985). From intentions to actions: A theory of planned behaviour. Dlm. Julius Kuhl & Jurgen Beckmann (Eds.), *Action control from cognition to behaviour*. Berlin: Springer-Verlag.
- Ajzen, I. (1985). From intentions to actions: A theory of planned behaviour. Dlm. Julius Kuhl & Jurgen Beckmann (Eds.), *Action control from cognition to behaviour*. Berlin: Springer-Verlag.
- Ajzen, I., & Fishbein, M. (1973). Attitudinal and normative variable as predictors of specific behaviors. *Journal of personality and social psychology*, 27(1), 41-57.
- Ajzen, I., & Fishbein, M. (1977). Attitude-behaviour relations: A theoretical analysis and review of empirical research. *Psychology Bulletin*, 84(5), 888-918.

- Al-Ghazali. (1980). *Jiwa agama: Imam al-Ghazali*, Jilid 8, (TK. H. Ismail dan Yakub SH-MA Terj.). Indonesia: Penerbit Perc. Menara Kudus.
- Al-Ghazaliy. (1977). *Keajaiban Hati* (Nurhickmah, Terj.). Singapura: Pustaka Nasional.
- Al-Nawawiy. (1988). *Hadis Empat Puluh*. Mustafa Abdul Rahman (Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Bowen, G.A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27-40. Doi:10.3316/QRJ0902027
- Fishbein, M., & Ajzen, I. (1975), *Believe, attitude, intention and behavior: An introduction to theory and research*. Addison-Wesley Publishing Company.
- Haron Din. (2007). *Islam: Ibadah pembina tamadun manusia*. Selangor: Percetakan Zafar Sdn. Bhd.
- Ibn Kathir. (2004). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim: Al-a'ruf bi Tafsir Ibn Kathir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Liska, A. E. (1984). A critical examination of the causal structure of the Fishbein/Azjen attitude-behavior model. *Social Psychology Quarterly*, 47, 61-74.
- Monzer Khaf. (1992). The Theory of Consumption dalam Sayyid Tahir (ed.), *Readings in Microeconomics An Islamic Perspective*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn Bhd.
- Muhammad Anas Zarqa. (1983). *Ekonomi Islam: Satu pendekatan kepada kebajikan masyarakat*. Kuala Lumpur: Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri.
- Muhammad Syukri Salleh. (2008). Kaedah Pengkajian Islam: Keperluan, Kedudukan dan Hala Tuju. Ucaptama yang disampaikan di *Seminar Pengurusan Pembangunan Islam II: Kaedah Pengkajian Berteraskan Islam* anjuran Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Sains Malaysia dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara, 6 Februari 2008.
- Nik Mustapha Nik Hassan. (1992). Asas-asas falsafah dan etika ekonomi Islam. Dlm. Ahmad Sobri Jaafar & Abdul Razak Chik (Eds.), *Prosiding kursus ekonomi Islam: Asas, falsafah dan aplikasi*. Jitra, Kedah: Jawatankuasa Penerbitan Universiti Utara Malaysia.
- Pipit Pitrah Azali (2014). *Hadis tentang niat: Analisis ma'anil hadis dan psikologi motivasi perspektif al-Ghazali & Abraham Maslow*. Disertasi, Institut Agama Islam Negeri Syeikh Nurjati Cirebon.
- Shafiq Falah Alwaneh. (2009). Human motivation: An Islamic perspective. Dlm. Amber Haque & Yassien Mohamed (Eds.), *Psychology of Personality: Islamic Perspective* 11, (pp. 211-234). Singapore: Cengage Learning.
- Umar Sulaiman. (2004). *Hakikat dan pengertian ikhlas kerana Allah*. Mohd Sofwan (terj.). Kuala Lumpur. Jasmin Enterprise.

Umar Sulaiman. (2006). *Fiqih Niat*. Jakarta: Gema Insani.

Yusuf al-Qaradawi. (1978). *Ibadah dalam Islam*, terj. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

Yusuf al-Qaradawi. (2004). *Niat dan ikhlas*. Indonesia: Pustaka Al-Kautsar.

Yusuf al-Qaradawi. (2015). *Ikhlas dan tawakal: Ilmu suluk menurut al-Qur'an dan as-sunnah*. Indonesia: Istanbul Press.

Yusuf al-Qaradawi. (2016:30) *Halal dan Haram dalam Islam*. Kuala Lumpur: PTS.